

TARIKH	20 / 4 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	18	RUANGAN	SETEMPAI

Murah serta banyak kemudahan

PUTRAJAYA: Kos menunaikan haji ditetapkan kerajaan bukan hanya paling rendah di rantau ini, bahkan termurah berbanding kebanyakan negara lain di dunia, sekaligus memperlihatkan keprihatinan kerajaan membantu rakyat melaksanakan ibadat berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, bayaran RM9,980 untuk jemaah Malaysia menunaikan haji bukan saja murah, malah mereka boleh menikmati pelbagai kemudahan dan keperluan secukupnya dengan harga serendah itu.

"Indonesia misalnya meletakkan harga RM15,000 hingga RM18,000 untuk menunaikan haji, tetapi ia bergantung kepada tempat tinggal masing-masing.

"Selain itu, kos menunaikan haji bagi Brunei dan Singapura masing-masing RM18,000 dan Thailand RM16,000," katanya ketika ditanya mengenai perbandingan kos menunaikan haji bagi Malaysia dengan negara lain.

Kerajaan semalam bersetuju mengekalkan kos menunaikan haji bagi 2012 sebanyak RM9,980 walaupun kos penginapan jemaah di Tanah Suci meningkat sebanyak 15 peratus berbanding tahun lalu.



"Saya berpendapat harga itu sangat murah untuk menunaikan haji kerana berdasarkan perbandingan, harga di negara lain melebihi 25 peratus berbanding kita"

>Datuk Md Daud Che Ngah

Sementara itu, Pengerusi Eksekutif Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd, Datuk Md Daud Che Ngah berkata, dengan hanya membayar RM9,980 jemaah haji Malaysia boleh menikmati pelbagai kemudahan dan khidmat yang diperlukan sepanjang menunaikan rukun Islam kelima itu.

"Saya berpendapat harga itu sangat murah untuk menunaikan haji kerana berdasarkan perbandingan, harga di negara lain melebihi 25 peratus berbanding kita.

"Mereka perlu membayar RM14,000 atau RM15,000 untuk kali pertama menunaikan haji, sedangkan di Malaysia harga itu untuk

orang yang menunaikan haji kali kedua," katanya.

Bellau berkata, jemaah haji Malaysia boleh menikmati kemudahan dan keperluan disediakan sepanjang menunaikan ibadat itu termasuk kemudahan perubatan.

"Kalau berlaku masalah berkaitan kesihatan, jemaah haji Malaysia tak ada masalah kerana biasanya kemudahan perubatan ditempatkan di satu bangunan dengan jemaah kita.

"Justeru, saya mengakui kos menunaikan haji kita sangat murah dan rakyat Malaysia turut perlu bersyukur dengan kemudahan disediakan ini," katanya.